

Newspaper	Utusan Malaysia
Date	8 March 2016

PMSP buat laporan polis terhadap Dr. Mahathir

PETALING JAYA 7 Mac - Pertubuhan Minda dan Sosial Prihatin (PMSP) hari ini menggesa Polis Diraja Malaysia (PDRM) membuat siasatan lanjut terhadap empat individu dan sebuah portal yang mengeluarkan kenyataan menghasut dan menggugat keamanan negara.

Individu yang dimaksudkan adalah bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad; bekas Timbalan Perdana Menteri, Tan Sri Muhyiddin Yassin; bekas Peguam Negara, Tan Sri Abdul Gani Patail dan Ahli Panel Penasihat Operasi Suruhanjaya Pencegahan Rasuah Malaysia (SPRM), Lim Chee Wee serta blog Suara Kami.

Naib Presiden PMSP, Zakwan Hafiz Ahmad Ansari berkata, individu tersebut dengan lantangnya telah mengeluarkan kenyataan yang bersifat fitnah dan sengaja mahu menjatuhkan kepemimpinan Perdana Menteri, Datuk Seri Najib Tun Razak.

Jelasnya, Dr. Mahathir cuba melanggar peruntukan undang-undang dan Perlembagaan negara dengan mengeluarkan kenyataan untuk menjatuhkan Najib dalam beberapa artikel yang diterbitkan oleh blog *Antara Post*, *MyNewsHub*, *The Malaysian Insider* dan sebagainya.



RAMESH RAO AKS (tengah) bersama Zakwan Hafiz Ahmad Ansari (kiri) dan Mohd Faizan Alias (kanan) menunjukkan salinan laporan polis terhadap Dr. Mahathir Mohamad dan Muhyiddin Yassin di Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya, Selangor, semalam.

Ujarnya, blog *Suara Kami* juga telah memfitnah Najib dan keluarga kononnya telah menyeleweng wang kerajaan untuk kepentingan peribadi sedangkan perkara itu tidak benar.

"Kita mohon polis menjalankan siasatan terhadap Muhyiddin yang sudah berkali-kali mengeluarkan kenyataan bahawa bekas Peguam Negara sudah mempunyai cukup

bukti terhadap salah laku Najib sedangkan dia tidak mempunyai sebarang kaitan dengan pihak Peguam Negara dan bukanlah orang yang dipertanggungjawabkan untuk memperoleh maklumat," katanya.

Beliau ditemui selepas membuat lima laporan polis di Ibu Pejabat Polis Daerah Petaling Jaya, hari ini.